

# **TAHAP STRES SISWA PENDIDIK IPG KAMPUS ILMU KHAS SEMASA PRAKTIKUM DI SEKOLAH**

*Syed Ismail Syed Mustapa<sup>1</sup> (PhD)*

*Lye Guet Poh*

*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

*<sup>1</sup>syed\_Ismail@ipgkik.edu.my*

## ***Abstrak***

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau tahap stres siswa pendidik Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur semasa mereka menjalani praktikum di sekolah. Seramai 93 orang siswa pendidik Ambilan Januari 2012 yang mengikuti program pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran, Pendidikan Khas Masalah Penglihatan, Pendidikan Muzik dan Bahasa Inggeris telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Satu soal selidik dan temubual telah digunakan bagi mendapatkan data bagi kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan siswa pendidik IPG Kampus Ilmu Khas semasa mereka menjalani praktikum berada pada tahap sederhana tinggi dengan catatan min 3.02 ( $sp=.90$ ). Kajian juga mendapati bahawa kesemua bidang pengkhususan mencatatkan stres pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan min antara 2.34 hingga 3.67. Selain itu dapatan kajian keseluruhan menunjukkan bahawa aspek perancangan pengajaran merupakan stres tertinggi kepada siswa pendidik dengan catatan min 3.31 ( $sp=.99$ ). Seterusnya dapatan kajian mendapati bahawa pengurusan sekolah dan pengurusan bilik darjah juga menjadi faktor penyumbang kepada stres dalam kalangan siswa pendidik semasa mereka menjalani praktikum. Sehubungan dengan itu pensyarah penyelia dan guru pembimbing disarankan agar dapat membantu siswa pendidik untuk mengatasi stres dengan memberi bimbingan dengan lebih berfokus.*

Kata Kunci: Stres, Praktikum, Bimbingan Praktikum

## ***Abstract***

*The aim of this study is to determine the level of stress among student teachers of Institute of Teacher Education (ITE) Ilmu Khas Campus, Kuala Lumpur during their Phase III Practicum in 2015. 93 Semester 7, 2012 January intake student teachers from Special Education Department, Music Department and English Studies Department took part in this study by answering a questionnaire and taking part in an interview session. The overall results showed that the level of stress among student teachers from the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus is moderately high, with a mean of 3.02 ( $sd=0.9$ ) during their teaching practice Phase III in 2015. The results also showed a moderately high level of stress, with a mean of 2.34 to 3.67 for all the student teachers from all the three departments. Lesson planning was found to be the main factor that contributed the highest level of stress for the student teachers, with a mean of 3.31 ( $sd=0.99$ ). Furthermore, this study also revealed that administration matters and classroom management contributed to the stress level among student teachers during their teaching practice. Therefore it is recommended that the supervisors and cooperating teachers help the student teachers to overcome stress by being more focused on the guidance provided.*

Keywords: Stress, Practicum, Practicum guidance